



## JURNAL PEMBANGUNAN SOSIAL

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/jps>

How to cite this article:

Abd Manaf, A. R., Othman S. Z., Mat Saad, Z., Mohd Noor, A. A., & Awang, F. (2023). Penderaan ekonomi mangsa keganasan rumah tangga: Perspektif pengamal. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 26. 71-86. <https://doi.org/10.32890/jps2023.26.4>

## PENDERAAAN EKONOMI MANGSA KEGANASAN RUMAH TANGGA: PERSPEKTIF PENGAMAL

*(Economic Abuse Among Domestic Violence Victims:  
Practitioner's Perspective)*

<sup>1</sup>Abdul Razak Abd Manaf, <sup>2</sup>Siti Zubaidah Othman,

<sup>3</sup>Zarina Mat Saad, <sup>4</sup>Annuar Aswan Mohd Noor

& <sup>5</sup>Faridah Awang

<sup>1&3</sup>Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial,  
Universiti Utara Malaysia, Malaysia

<sup>2&4</sup>Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan,  
Universiti Utara Malaysia, Malaysia

<sup>5</sup>Institut Sosial Malaysia

<sup>1</sup>Corresponding author: [a.razak@uum.edu.my](mailto:a.razak@uum.edu.my)

Received: 26/10/2022 Revised: 18/2/2023 Accepted: 23/7/2023 Published: 31/7/2023

## ABSTRAK

Keganasan rumah tangga merupakan satu fenomena global dalam masyarakat sejak sekian lama yang begitu kompleks dan perlu ditangani dengan sebaiknya. Artikel ini cuba membincangkan salah satu hasil dapatan daripada keseluruhan kajian yang dilaksanakan bagi meneliti isu penderaan ekonomi dan kesejahteraan kewangan mangsa keganasan rumah tangga. Ia cuba meneroka isu ekonomi yang dihadapi oleh wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah

tangga daripada perspektif pengamal yang mengendalikan keskes sebegini. Data kajian kualitatif ini diperoleh semasa temubual dan perbincangan kumpulan berfokus (*FGD*) dilaksanakan dengan menggunakan analisis tematik. Seramai lima belas orang kakitangan atau pengamal di Jabatan Kebajikan Masyarakat telah diminta untuk berkongsi pengalaman mereka berkenaan isu pengendalian kes mangsa keganasan rumah tangga serta konflik kewangan dan kesejahteraan ekonomi wanita yang menjadi mangsa penderaan. Hasil kajian mendapati bahawa isu-isu penderaan ekonomi dan kewangan tertumpu kepada isu pekerjaan dan sumber pendapatan serta kebergantungan si pelaku dan mangsa, isu gaya hidup negatif pelaku dan kawalan pelaku kepada sumber kewangan yang dijana oleh mangsa.

**Kata kunci:** Keganasan rumah tangga, penderaan ekonomi, kewangan, mangsa, pengamal.

## ***ABSTRACT***

*Domestic violence has been a global phenomenon in society for ages. It is so complex and needs to be dealt with accordingly. This paper tries to discuss one of the findings from the overall, bigger study that was carried out to examine the issue of economic abuse and the financial well-being of victims of domestic violence. It attempts to explore the issues faced by victims of domestic violence from the perspective of practitioners who handle such cases. The data of this qualitative study was obtained during interviews and focus group discussions (FGD) conducted using thematic analysis. A total of fifteen staff members or practitioners in the Department of Social Welfare were asked to share their experiences in handling cases of domestic violence victims as well as financial conflicts and the economic well-being of abuse victims. The results of the study found that the issues of economic and financial abuse are focused on the issue of employment and source of income as well as the dependency of the perpetrator and the victim, the issue of the perpetrator's negative lifestyle and the perpetrator's control over the financial resources generated by the victim.*

**Keywords:** *Domestic violence, economic abuse, financial, victim, practitioner.*

## PENGENALAN

Keganasan rumah tangga merupakan satu isu yang sering menjadi tumpuan dan kebimbangan dalam masyarakat. Laporan akhbar menjelaskan bahawa sebanyak 9,015 kes keganasan rumah tangga direkodkan dalam kalangan masyarakat sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan di seluruh negara bagi tempoh Mac 2020 hingga Ogos 2021 (Berita Harian, 23 September 2021). Jumlah kes keganasan rumah tangga ini dilihat semakin hari semakin meningkat (Berita Harian, Mac 10, 2022).

Secara umumnya, keganasan rumah tangga melibatkan penyalahgunaan kuasa gender dalam perhubungan intim menerusi dominasi dan kawalan dalam bentuk fizikal, psikologikal, seksual dan ekonomi yang mendatangkan kesan negatif terhadap kehidupan seseorang mangsa (Abdul Ghani et al., 2016).

Dalam konteks ini, adalah penting untuk mengetahui trend berlakunya keganasan rumah tangga dari semasa ke semasa kerana ianya boleh dicegah apabila faktor-faktor risiko telah dikenal pasti seperti emosi panas baran, penagihan bahan, kemiskinan akibat sumber pendapatan dan kewangan yang terbatas atau ketiadaan pekerjaan dan juga kekurangan sistem sokongan dalam menangani cabaran berumah tangga.

Ringkasnya, penyelidikan telah mendokumentasikan pelbagai tingkah laku penderaan ekonomi yang digunakan oleh pendera untuk mengancam kestabilan ekonomi pasangan mereka. Tingkah laku mendera ini terbahagi kepada tiga kategori iaitu, kawalan ekonomi, sabotaj pekerjaan dan eksplorasi ekonomi (Postmus et al., 2015; Stylianou et al., 2013). Walaupun sorotan karya telah mengenal pasti pelbagai taktik penderaan ekonomi, secara sejarahnya, para sarjana telah mengaburkan sama sekali penderaan ekonomi dan dikategorikan dengan bentuk keganasan lain yang bukan bersifat fizikal. Namun, ia merupakan bentuk keganasan bukan bersifat fizikal yang mangsa kenal pasti sebagai bentuk penderaan atau keganasan yang paling dahsyat, merentasi kesan keganasan fizikal (Outlaw, 2009). Malah, menurut Christy et al. (2022), penderaan ekonomi adalah salah satu strategi yang lebih efektif yang digunakan untuk memastikan mangsa kekal dalam hubungan yang ‘ganar’ dan toksik.

Dalam konteks ini, mengenal pasti dan mengukur penderaan ekonomi adalah kritikal bagi memahami perkembangan dan tahap serta impak penderaan ekonomi kepada mangsa keganasan rumah tangga. Berdasarkan lipatan sejarah, penderaan ekonomi seringkali dimasukkan ke dalam definisi penderaan psikologi (Shepard & Campbell, 1992; Tolman, 1989, 1999). Hanya baru-baru ini ramai sarjana mula mengenal pasti penderaan ekonomi sebagai satu bentuk penderaan yang unik sifatnya (Adams et al., 2008; Riger et al., 2000; Stylianou et al., 2013; Weaver et al., 2009).

Penderaan ekonomi merupakan satu fenomena yang bukan menjadi kebiasaan, jarang berlaku berbanding dengan pengalaman penderaan fizikal (Outlaw, 2009). Walau bagaimanapun, pengukuran penderaan ekonomi ada menunjukkan bahawa apabila seseorang mempunyai banyak pengalaman didera secara ekonomi, maka secara signifikannya dikaitkan juga mempunyai pengalaman didera secara fizikal dan psikologi dengan lebih tinggi (Shepard & Campbell, 1992) serta lebih tinggi didera secara seksual (Stylianou et al., 2013). Penderaan ekonomi dan lain-lain bentuk penderaan seperti penderaan psikologi, penderaan fizikal dan keganasan seksual sering berlaku bersekali dalam mana-mana perhubungan yang ganas (Adams et al., 2008; Postmus, 2011).

Sorotan karya pada peringkat awalnya, menjelaskan bahawa penderaan ekonomi merupakan satu bentuk konstruk yang unik berbeza dengan bentuk penderaan lain terutamanya penderaan psikologi (Adams et al., 2008; Stylianou et al., 2013). Mengikut kajian Smith et al. (2017), penyalahgunaan kuasa ekonomi terhadap wanita yang didera adalah antara impak yang sering dialami dan memberi kesan yang berpanjangan. Mangsa dikatakan hilang peluang untuk menjana ekonomi sendiri dan akhirnya terpaksa bergantung kepada pendera. Ini menjadi halangan terbesar bagi wanita yang didera untuk keluar daripada perhubungan tersebut. Penyelidik-penyelidik terdahulu menyifatkan keadaan ini sebagai penyalahgunaan kuasa ekonomi (*economic abuse*) di mana pemangsa atau pendera menggunakan kelebihan pergantungan ekonomi (*economic dependence*) untuk mengawal wanita yang didera.

Bagi memahami penderaan ekonomi atau kewangan ini, adalah penting untuk mempertimbangkan peranan perbezaan bahasa dan budaya (Postmus et al., 2020) selain keperluan untuk mendapatkan

data berkaitan kedudukan serta berleluasanya penderaan ekonomi dalam masyarakat. Kajian berkenaan impak penderaan ekonomi kepada masa dalam jangka pendek dan jangka panjang juga perlu diperhalusi (Postmus et al., 2020).

Yau et al. (2021) mendakwa bahawa sorotan karya berkaitan keganasan fizikal, psikologikal dan seksual banyak dibincangkan. Namun, kajian atau perbahasan berkenaan penderaan ekonomi dan kesannya masih kurang dan terbatas. Dalam kebanyakan keadaan, penderaan ekonomi diletakkan dalam skop penderaan psikologikal dan impak negatif penderaan ekonomi juga kurang dilaporkan. Diddy et al. (2014) dalam kajian di Filipina menyifatkan penderaan ekonomi terhadap wanita merupakan satu penganiayaan yang telah lama berlaku dan bersarang dalam hubungan rumah tangga walaupun ianya merupakan masalah kesihatan umum. Kajian mereka mensyorkan keperluan segera kepada pengamal untuk memasukkan penderaan ekonomi dalam penilaian keganasan rumah tangga dan melaksanakan pendekatan multidimensi dalam menyediakan sokongan yang spesifik dan tepat kepada mangsa. Sementara itu, Daleleer dan Sheela (2018) menjelaskan bahawa perbincangan tafsiran keganasan rumah tangga yang menyeluruh di Malaysia mesti mengambil kira nilai dan budaya masyarakat kerana ia akan menyediakan pemahaman yang lebih baik berlatarbelakangkan sosiobudaya negara berkenaan.

Meneliti isu penderaan ekonomi dan kelestarian kewangan mangsa keganasan rumah tangga yang masih belum diteroka dengan lebih mendalam dalam konteks sosiobudaya masyarakat di negara ini, maka artikel ini cuba merungkai isu ini berdasarkan perspektif para pengamal yang mengendalikan kes-kes sebegini. Adalah kritikal untuk mendengar dan mendapatkan pandangan peribadi daripada pengendali kes berkenaan dengan isu keganasan rumah tangga serta konflik kewangan dan kesejahteraan wanita dengan lebih terperinci kerana mereka adalah individu yang signifikan dan berperanan penting dalam pengendalian kes keganasan rumah tangga.

## **METODOLOGI**

Pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini. Data kualitatif dikumpul melalui perbincangan kumpulan berfokus di mana temubual semi berstruktur telah digunakan. Seramai 15 orang staf di

Jabatan Kebajikan Masyarakat yang terlibat secara langsung dengan pengendalian kes keganasan rumah tangga di tiga buah negeri iaitu Perlis, Kedah dan Pulau Pinang telah terlibat dalam perbincangan kumpulan berfokus. Semasa perbincangan kumpulan berfokus, peserta kajian telah diminta untuk berkongsi pengalaman dan persepsi mereka terhadap isu keganasan rumah tangga.

Data yang dikumpul secara kualitatif, ditranskripsikan terlebih dahulu. Setiap item dikod menggunakan koding terbuka, dan sekaligus membenarkan kategori dan tema dibentuk dan muncul tanpa memberi perhatian yang selektif kepada mana-mana poin tertentu yang menarik untuk diteliti (Coffey & Atkinson, 1996). Koding ini berlaku secara berterusan, dan kategori tambahan akan ditambah menggunakan proses yang sama.

Setelah selesai aktiviti koding, langkah seterusnya melibatkan perbandingan (persamaan dan perbezaan) antara kategori untuk meneliti perhubungan antara kategori tersebut. Tujuan utama adalah untuk mengagih kategori kepada tema dan sub-subtema dengan menjelaki pola-pola yang konsisten dalam data yang dikaji.

Para penyelidik juga menggunakan strategi tambahan dengan melihat kepada metafora dalam respon yang diberikan, sebagai petunjuk kepada apa yang dimaksudkan oleh peserta kajian tentang masalah atau isu berkaitan dengan keganasan rumah tangga dan penderaan ekonomi. Selain itu, para penyelidik juga mencari perkataan atau frasa-frasa yang peserta kajian gunakan untuk memerihalkan pengalaman mereka dan kelompokkan ekspresi ini ke dalam kategori.

Apabila kod dan kategori diperolehi daripada teks, pola-pola tersebut kemudiannya dibandingkan dengan keseluruhan transkrip temubual dari kesemua peserta kajian. Ini bermula dengan koding terbuka, kemudiannya dikelompokkan kod-kod ini kepada konsep-konsep atau kategori-kategori dan akhirnya menampilkan tema-tema yang muncul daripada kelompok kod-kod ini. Langkah ini berlaku untuk menyerlahkan atau mendapatkan konsep-konsep yang saling berkait untuk memastikan analisis tema akhir dapat ditentukan. Tema-tema ini kemudiannya disusun secara hirarki berdasarkan tema-tema besar dan kecil.

## DAPATAN KAJIAN

Perbincangan berkaitan keganasan rumah tangga dan penderaan ekonomi serta kelestarian kewangan mangsa dalam kajian ini banyak menghasilkan isu-isu yang signifikan. Walau bagaimanapun, artikel ini hanya memfokuskan kepada salah satu tema dapatan kajian yang berkisar tentang isu-isu kewangan yang sering dihadapi oleh mangsa keganasan rumah tangga daripada perspektif pengendali kes.

Berdasarkan dapatan yang diperoleh berkaitan kewangan, kebanyakan mangsa tidak bekerja dan tiada sumber pendapatan selain daripada bergantung kepada pelaku. Lebih berat lagi apabila pelaku mempunyai masalah kewangan apabila terbabit dengan pinjaman bank dan ceti haram, berjudi, mengambil dadah, pemabuk dan mempunyai teman wanita. Selain daripada itu, kebanyakan daripada pelaku tidak bekerja. Oleh yang demikian, ada antara pelaku yang memaksa isteri untuk bekerja bagi mereka mendapatkan sumber kewangan dan ada yang mengawal kewangan mangsa. Kesemua maklumat diringkaskan dalam Jadual 1. Berikut adalah antara perkongsian peserta kajian ketika perbincangan kumpulan berfokus:

*“Mangsa merupakan suri rumah... mangsa terlalu bergantung kepada suami dari segi kewangan ... kekurangan kewangan” [R13, Lelaki]*

*“Mangsa tidak bekerja ... pendapatan isteri melebihi suami, suami ambil kesempatan ... suami tidak bekerja dan tiada sumber pendapatan” [R7, Perempuan]*

*“Suami penagih dadah... suami tidak bekerja, suami ketagih main mesin kuda... suami buat pinjaman Along... suami panas baran, pemabuk” [R5, Perempuan]*

*“Pelaku/suami tidak bekerja dan tidak bertanggungjawab dalam menyara keluarga ... suami mempunyai teman wanita dan wang dihabiskan bersama teman wanita ... isteri didesak oleh suami bagi mendapatkan wang” [R9, Perempuan]*

## Jadual 1

### *Ringkasan Maklumat Isu-isu Kewangan Mangsa Keganasan Rumah Tangga*

Bil	Isu-Isu Kewangan	Jumlah
1	Mangsa tiada sumber pendapatan – bergantung kepada pelaku	9
2	Pelaku mempunyai masalah kewangan (terlibat along, judi, dadah, pemabuk, pinjaman bank, teman wanita)	9
3	Suami / pelaku tidak bekerja	9
4	Suami / pelaku mengawal kewangan isteri – pendapatan mangsa melebihi pelaku	4
5	Mangsa dipaksa bekerja bagi mendapatkan kewangan – pelaku tidak bekerja	3
6	Mangsa tiada pekerjaan tetap	2
7	Mangsa bekerja tetapi tidak mencukupi	1

## PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian, isu ekonomi dan kewangan dalam aspek keganasan rumah tangga boleh difokuskan kepada dua ruang perbincangan iaitu dari sisi pelaku dan mangsa penderaan. Berdasarkan perbincangan kumpulan berfokus (*FGD*), pelaku merupakan suami kepada mangsa yang mempunyai beberapa ciri profil yang boleh dikenal pasti. Si pelaku selalunya tidak mempunyai pekerjaan dan sumber pendapatan bagi menyara keluarga. Mereka ini banyak bergantung kepada mangsa bagi memenuhi keperluan diri sendiri dan dalam masa yang sama sentiasa mengawal kewangan isteri atau mangsa. Pelaku-pelaku ini pada masa yang sama memaksa mangsa untuk bekerja bagi mendapatkan sumber kewangan bagi menampung keperluan dan menyara keluarga.

Sepertimana yang dipaparkan oleh kajian-kajian terdahulu dan kontemporari, penderaan ekonomi meliputi tingkah-tingkah laku yang mengawal kemampuan mangsa untuk memperoleh, menggunakan dan mengekalkan sumber-sumber sekaligus mengancam keselamatan ekonominya dan juga keupayaan diri untuk menyara diri sendiri (Adams et al., 2008). Mempunyai persamaan dengan bentuk-bentuk penderaan psikologikal (Kasian & Painter, 1992; Sackett & Saunders, 1999), penderaan ekonomi menggabungkan tingkahlaku yang

mengawal mangsa, sama ada apa yang boleh mangsa lakukan dan tidak boleh lakukan. Penderaan ekonomi berlaku apabila si pendera memperoleh kawalan sepenuhnya terhadap sumber-sumber kewangan mangsa (Fawole, 2008) dan ia termasuklah tiga bentuk penderaan ekonomi iaitu kawalan ekonomi, sabotaj pekerjaan dan eksplorasi ekonomi (Postmus et al., 2015; Stylianou, Postmus & McMahon, 2013). Menurut White dan Fjellner (2022), kesemua subset penderaan ekonomi ini iaitu kawalan ekonomi, sabotaj pekerjaan dan eksplorasi ekonomi boleh digunakan untuk memaksa mangsa untuk kekal dalam sesuatu perhubungan.

Selain itu, dapatan kajian turut mendedahkan bahawa si pelaku iaitu suami seringkali mempunyai masalah yang berkait rapat dengan kewangan dan gaya hidup. Mereka ini dilaporkan selalu terlibat dengan ceti haram atau along dan membuat pinjaman bank, sering berjudi dan bertikam nombor ekor, terlibat dengan penagihan bahan terlarang seperti dadah dan arak serta mempunyai hubungan luar dengan wanita lain.

Hasil kajian juga mendapat bahawa mangsa yang terlibat dalam keganasan rumah tangga adalah mereka yang tidak mempunyai sumber pendapatan dan bergantung sepenuhnya kepada suami yang melakukan penderaan. Kajian-kajian secara konsistennya menunjukkan bahawa kebergantungan ekonomi merupakan halangan utama yang dihadapi mangsa dalam usaha untuk meninggalkan perhubungan yang ganas tersebut (Adams, 2011; Barnett, 2000; Fawole, 2008; Kim & Gray, 2008).

Ada juga mangsa yang tidak mempunyai pekerjaan tetap untuk memastikan kelestarian kewangan keluarga mereka utuh. Walaupun ada mangsa yang mempunyai pekerjaan, namun sumber pendapatan dan kewangan yang diperoleh tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan hidup mereka dan keluarga. Dapatan kajian White dan Fjellner (2022) mengesahkan bahawa penderaan ekonomi merupakan satu masalah yang signifikan kepada setiap profil demografi, bukan kepada perempuan sahaja, bukan berlaku kepada etnik tertentu atau individu yang mempunyai pendapatan yang rendah. Penderaan ekonomi merupakan fenomena umum dan bukannya merupakan isu gender semata-mata. Walau bagaimanapun, White dan Fjellner (2022) menjelaskan bahawa faktor kemiskinan, diskriminasi, marginalisasi, pendidikan yang rendah dan peluang pekerjaan yang terhad merupakan

faktor tambahan yang boleh mencetuskan penderaan kewangan terhadap mangsa.

Penderaan ekonomi kebanyakannya disebabkan oleh kekurangan sumber-sumber kewangan yang menyebabkan kesukaran untuk meninggalkan perhubungan ganas dan kejam serta mendorong sesetengah wanita untuk merasakan bahawa mereka tiada pilihan melainkan kembali dan kekal kepada perhubungan tersebut (McLaren, 2013). Penderaan ekonomi ini akan mencetuskan rasa tidak selamat mangsa dengan cara membataskan kebebasan ekonomi dan kestabilan kewangan mangsa, menyebabkan mangsa akan terus berada dalam kitaran keganasan (Postmus et al., 2020). Sepertimana manifestasi kesemua bentuk keganasan rumah tangga, penderaan ekonomi mempengaruhi wanita daripada pelbagai kelompok sosioekonomi dan pelbagai lokasi dan kedudukan geografi (Postmus et al., 2020) dan ia turut dibuktikan dalam kajian ini.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa ada dalam kalangan mangsa yang dipaksa bekerja oleh pasangan mereka bagi mendapatkan sumber kewangan. Malah, ada mangsa yang mempunyai pendapatan yang lebih tinggi daripada suami mereka tetapi si pelaku ini seringkali mengawal kewangan atau sumber ekonomi yang dijana oleh si mangsa.

Hasil kajian ini secara keseluruhannya menggambarkan bahawa para pengamal kes keganasan rumah tangga turut berhadapan dengan isu penderaan ekonomi terhadap mangsa. Walau bagaimanapun, dalam kebanyakan kes, penderaan ekonomi atau kewangan dilihat bukan salah satu bentuk penderaan yang dialami oleh mangsa. Sebaliknya, isu penderaan ekonomi dianggap sebagai faktor penyumbang yang menyebabkan berlakunya keganasan rumah tangga ataupun impak dan kesan yang diterima apabila terjadinya penderaan.

Stylianou (2018) ada membincangkan dua perkara berkaitan dinamik penderaan ekonomi yang perlu dipertimbangkan untuk memahami lebih lanjut tentang perbezaan penderaan ekonomi dengan bentuk keganasan yang lain. Perkara pertama adalah berkaitan dengan komponen ruang (*spatial*) tingkah laku ganas tersebut. Lebih dekat dan rapat antara pendera dan mangsa, lebih tinggi jumlah taktik penderaan yang pendera boleh gunakan. Bagi pendera untuk terlibat dalam penderaan fizikal atau seksual, mangsa dan pendera mesti

berada dalam kedudukan yang dekat. Namun demikian, pendera boleh terlibat dalam tingkah laku penderaan psikologi di mana-mana sahaja pelusuk dunia.

Dalam konteks ini, penderaan ekonomi akan membentuk impak jangka pendek dan jangka panjang merentasi impak penderaan psikologi, fizikal dan seksual kepada mangsa keganasan rumah tangga (Huang et al., 2013; Nancarrow et al., 2009; Postmus et al., 2012). Mengambil kira keunikan penderaan ekonomi ini dan impaknya kepada kemampuan jangka panjang kewangan mangsa, maka adalah kritikal perkhidmatan yang diberikan kepada mangsa keganasan rumah tangga memfokus dalam memberi pemahaman yang lebih baik terhadap sifat dan akibat daripada penderaan ekonomi ini.

## **PENUTUP**

Dalam kajian ini, peserta perbincangan kumpulan berfokus (*FGD*) telah berkongsikan beberapa isu yang signifikan berkaitan ekonomi dan kewangan dalam konteks keganasan rumah tangga. Pertamanya, peserta telah membangkitkan isu profil si pelaku yang tidak mempunyai sumber pendapatan dan pekerjaan yang boleh menyara kehidupan berkeluarga mereka. Sebaliknya si pelaku bergantung sepenuhnya kepada mangsa untuk memenuhi keperluan mereka sekaligus berlaku unsur-unsur paksaan kepada mangsa untuk bekerja dan menyara kehidupan keluarga. Selain daripada itu, pelaku juga menjalani gaya hidup negatif yang berkait rapat dengan sumber ekonomi dan kewangan. Contohnya, pelaku mempunyai masalah dengan pinjaman bank dan ceti haram, suka berjudi, terlibat dengan penagihan bahan terlarang, ketagihan arak serta menjalinkan hubungan dengan wanita lain.

Perkara kedua yang dikongsi oleh pengamal atau pengendali kes-kes keganasan rumah tangga adalah berkisar tentang kebergantungan mangsa kepada suami atau si pelaku. Ramai mangsa tidak mempunyai sumber pendapatan atau kewangan disebabkan ketiadaan pekerjaan yang stabil atau sumber ekonomi yang boleh menjamin kesejahteraan mereka. Kebergantungan sepenuhnya dan berterusan kepada sumber ekonomi yang disediakan oleh si pelaku bagi memenuhi keperluan kehidupan membuatkan mangsa terpaksa menerima apa jua perbuatan buruk yang dilakukan oleh suami terhadap mereka. Ada juga mangsa yang mempunyai pekerjaan tetapi sumber kewangan masih tidak

mencukupi bagi menyara kehidupan berkeluarga selain daripada si pelaku mengawal segala urus tadbir kewangan dan ekonomi yang dijana oleh mangsa.

Pengalaman terhadap penderaan ekonomi didapati telah memberi pelbagai kesan negatif dalam kalangan mangsa keganasan rumah tangga. Berdasarkan kepada kajian-kajian lepas, didapati antara impak buruk akibat daripada penderaan ekonomi dan kewangan adalah kesukaran untuk mendapat atau mengekalkan pekerjaan (Swanberg & Logan, 2005), kesusahan untuk menyara diri secukupnya melalui sumber kewangan yang ada (Postmus et al., 2012; Schrag, 2015), serta mempengaruhi kesihatan mental dan kesejahteraan psikologi mangsa dan peningkatan kadar simptom kemurungan (Antai et al., 2014; Hamdan-Mansour et al., 2011; Nancarrow et al., 2009; Postmus et al., 2012).

Selain daripada itu, pengalaman didera secara ekonomi juga memberi impak kepada kesejahteraan keluarga dan ini meliputi kadar kestabilan rumah tangga yang menurun, amalan keibubapaan yang lemah, dan tingkah laku anak-anak dan remaja yang bermasalah (Huang et al., 2013; Huang et al., 2015; Postmus et al., 2012; Schrag et al., 2016). Kajian-kajian ini bukan sahaja menyediakan bukti impak jangka pendek dan jangka panjang penderaan ekonomi kepada mangsa keganasan rumah tangga, malah ia memberi satu permulaan kepada pendokumentasian bahawa impak penderaan ekonomi dan melangkaui impak bentuk-bentuk penderaan yang lain dalam perhubungan 'toksik' ini.

Walaupun terdapat banyak sorotan karya yang membicarakan tentang keganasan rumah tangga, sorotan karya yang berkaitan dengan penderaan ekonomi dan impaknya masih lagi kurang. Sejak dahulu, kebanyakan sorotan karya merakamkan penderaan ekonomi dalam skop penderaan psikologi. Walau bagaimanapun, berbeza dengan penderaan psikologi, mangsa yang selamat daripada penderaan ekonomi akan secara langsung menjadi semakin merana atau menderita akibat daripada kesejahteraan ekonomi yang semakin merosot. Sehubungan dengan itu, terdapat keperluan untuk meneliti tafsiran penderaan ekonomi dengan lebih mendalam dan terperinci terutama dalam konteks sosiobudaya negara ini. Ini termasuklah memeriksa dengan lebih kritikal instrumen penderaan ekonomi dan impak penderaan ini kepada kesejahteraan dan kelestarian keseluruhan kehidupan wanita. Walaupun jumlah peserta yang terlibat dalam perbincangan kumpulan berfokus ini agak terhad,

namun hasil dapatan kajian yang diperoleh boleh menjadi asas dan pencetus kepada tindakan dan strategi seterusnya dalam memahami dan melaksanakan intervensi yang sewajarnya demi kesejahteraan dan kebahagiaan wanita dan keluarga.

## PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada penyelidikan geran yang dibiayai oleh Institut Sosial Malaysia.

## RUJUKAN

- Abdul Ghani, M., Husin, S., & Mohamad, A. (2016). Isu keganasan rumah tangga: Keberkesanan perkhidmatan kaunseling berdasarkan perspektif klien wanita mangsa keganasan. *Jurnal Kemanusiaan*, 25(2), 1-9.
- Adams, A. E. (2011). Measuring the effects of domestic violence on women's financial wellbeing. *CFS Research Brief*, 1-6.
- Adams, A. E., Beeble, M. L., & Gregory, K. A. (2015). Evidence of the construct validity of the scale of economic abuse. *Violence and Victims*, 30(3), 363–376.
- Adams, A. E., Bybee, D., Tolman, R. M., Sullivan, C. M., & Kennedy, A. C. (2013). Does job stability mediate the relationship between intimate partner violence and mental health among low income women? *The American Journal of Orthopsychiatry*, 83(4), 600–608.
- Adams, A. E., Sullivan, C. M., Bybee, D., & Greeson, M. R. (2008). Development of the scale of economic abuse. *Violence Against Women*, 14(5), 563–588.
- Antai, D., Oke, A., Braithwaite, P., & Lopez, G. B. (2014). The effect of economic, physical, and psychological abuse on mental health: A population-based study of women in the Philippines. *International Journal of Family Medicine*, 2014, 1-11. <http://dx.doi.org/10.1155/2014/852317>
- Barnett, O. W. (2000). Why battered women do not leave, part 1: External inhibiting factors within society. *Trauma, Violence, & Abuse*, 1(4), 343–372.
- Berita Harian, (2021, September 23). PARLIMEN: 9,015 kes keganasan rumah tangga sepanjang PKP. <https://origin.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/867652/parlimen-9015-kes-keganasan-rumah-tangga-sepanjang-pkp>

- Berita Harian, (10 Mac, 2022). Kes keganasan rumah tangga naik 42 peratus tahun lalu. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/03/932235/kes-keganasan-rumah-tangga-naik-42-peratus-tahun-lalu>
- Christy-McMullin, K. (2002). Designing policies that address the relationship between woman abuse and economic resources. *Journal of Sociology and Social Welfare*, 29, 109–124.
- Christy-McMullin, K. (2003). Asset-building policies and safety for women: Stretching social work's conceptual framework. *The Social Policy Journal*, 2(4), 19–37.
- Christy, K., Welter, T., Dundon, K., & Bruce, A. (2002). Economic abuse: A subtle by common form of power and control. *Journal of Interpersonal Violence*, 37(1-2), NP473 – NP499. <https://doi.org/10.1177/0886260520916264>
- Daleeler, K. R., & Sheela, J. (2018). The definition of domestic violence in Malaysia: A cross-national comparison. *Akademika* 88(3), 77-89. <https://doi.org/10.17576/akad-2018-8803-07>
- Diddy, A., Justina, A., & David, S. A. (2014). The relationship between socio-economic inequalities, intimate partner violence and economic abuse: A national study of women in the Philippines. *Global Public Health*, 9(7), 808-826. <https://doi.org/10.1080/17441692.2014.917195>
- Fawole, O. I. (2008). Economic violence to women and girls: Is it receiving the necessary attention? *Trauma, Violence, & Abuse*, 9(3), 167–177.
- Hamdan-Mansour, A. M., Arabiat, D. H., Sato, T., Obaid, B., & Imoto, A. (2011). Marital abuse and psychological well-being among women in the Southern Region of Jordan. *Journal of Transcultural Nursing*, 22(33), 265-273.
- Huang, C. C., Postmus, J. L., Vikse, J. H., & Wang, L. R. (2013). Economic abuse, physical violence, and union formation. *Children and Youth Services Review*, 35(5), 780–786.
- Huang, C. C., Vikse, J. H., Lu, S., & Yi, S. (2015). Children's exposure to intimate partner violence and early delinquency. *Journal of Family Violence*, 30(8), 953–965.
- Kasian, M., & Painter, S. L. (1992). Frequency and severity of psychological abuse in a dating population. *Journal of Interpersonal Violence*, 7(3), 350–364.
- Kim, J., & Gray, K. A. (2008). Leave or stay? Battered women's decision after intimate partner violence. *Journal of Interpersonal Violence*, 23(10), 1465–1482.
- McKay White, R., & Fjellner, D. (2022). The prevalence of economic abuse among intimate partners in Alberta. *SAGE Open*, 12(1), 1-13. <https://doi.org/10.1177/21582440221084999>

- McLaren, H. (2013). Domestic violence, housing and employment: Workers' perspectives on employment assistance in supported accommodation. *Australian Journal of Social Issues*, 48, 415–433.
- Nancarrow, H., Lockie, S., & Sharma S. (2009). Intimate partner abuse of women in a Central Queensland mining region (Trends and Issues in Crime and Criminal Justice No. 378). Criminology Research Council, Australian Institute of Criminology, Australian Government.
- Outlaw, M. (2009). No one type of intimate partner abuse: Exploring physical and non-physical abuse among intimate partners. *Journal of Family Violence*, 24(4), 263–272.
- Postmus, J. L. (2011). Understanding financial literacy with survivors of intimate partner violence. CSF Research Brief, 1-6. [http://www.cfs.wisc.edu/briefs/Postmus2011\\_ResearchBrief.pdf](http://www.cfs.wisc.edu/briefs/Postmus2011_ResearchBrief.pdf)
- Postmus, J. L., Hetling, A., & Hoge, G. L. (2015). Evaluating a financial education curriculum as an intervention to improve financial behaviors and financial well-being of survivors of domestic violence: Results from a longitudinal randomized controlled study. *The Journal of Consumer Affairs*, 49(1), 250–266.
- Postmus, J. L., Hoge, G. L., Breckenridge, J., Sharp-Jeffs, N., & Chung, D. (2020). Economic abuse as an invisible form of domestic violence: A multicountry review. *Trauma, Violence & Abuse*, 21(2), 261–283.
- Postmus, J. L., Huang, C. C., & Stylianou, A. M. (2012). The impact of physical and economic abuse on maternal mental health and parenting. *Children and Youth Services Review*, 34(9), 1922–1928.
- Postmus, J. L., Plummer, S. B., McMahon, S., Murshid, N. S., & Kim, M. S. (2012). Understanding economic abuse in the lives of survivors. *Journal of Interpersonal Violence*, 27(3), 411–430.
- Postmus, J. L., Plummer, S. B., McMahon, S., & Zurlo, K. A. (2013). Financial literacy: Building economic empowerment with survivors of violence. *Journal of Family and Economic Issues*, 34(3), 275–284.
- Postmus, J. L., Plummer, S., & Stylianou, A. M. (2016). Measuring economic abuse in the lives of survivors: Revising the scale of economic abuse. *Violence Against Women*, 22(6), 692–703.
- Riger, S., Ahrens, C., & Blickenstaff, A. (2000). Measuring interference with employment and education reported by women with abusive partners: Preliminary data. *Violence and Victims*, 15(2), 161–172.

- Sackett, L. A., & Saunders, D. G. (1999). The impact of different forms of psychological abuse on battered women. *Violence and Victims*, 14(1), 105–117.
- Schrag, R. J. V. (2015). Economic abuse and later material hardship: Is depression a mediator? *Affilia*, 30(3), 341–351.
- Schrag, R. J. V., Edmond, T., Tlapak, S. M., & Auslander, W. (2016). Exposure to economically abusive tactics among adolescent girls in the child welfare system. *Child and Adolescent Social Work Journal*, 34(2), 127–136.
- Shepard, M. F., & Campbell, J. A. (1992). The abusive behaviour inventory: A measure of psychological and physical abuse. *Journal of Interpersonal Violence*, 7(3), 291–305.
- Smith, S. G., Basile, K. C., Gilbert, L. K., Merrick, M. T., Patel, N., Walling, M., & Jain, A. (2017). The national intimate partner and sexual violence survey (NISVS): 2010–2012 state report. National Center for Injury Prevention and Control, Centers for Disease Control and Prevention.
- Stylianou, A. M. (2018). Economic abuse within intimate partner violence: A review of the literature. *Violence and Victims*, 33(1), 1-22
- Stylianou, A. M., Postmus, J. L., & McMahon, S. (2013). Measuring abusive behaviors: Is economic abuse a unique form of abuse? *Journal of Interpersonal Violence*, 28(16), 3186–3204.
- Swanberg, J. E., & Logan, T. K. (2005). Domestic violence and employment: A qualitative study. *Journal of Occupational Health Psychology*, 10(1), 3–17.
- Tolman, R. M. (1989). The development of a measure of psychological maltreatment of women by their male partners. *Violence and Victims*, 4(3), 159–177.
- Tolman, R. M. (1999). The validation of the psychological maltreatment of women inventory. *Violence and Victims*, 14(1), 25–37.
- Weaver, T. L., Sanders, C. K., Campbell, C. L., & Schnabel, M. (2009). Development and preliminary psychometric evaluation of the domestic violence—related financial issues scale (DV-FI). *Journal of Interpersonal Violence*, 24(4), 569–585.
- Yau, Jessie Ho-Yin & Wong, Janet & Fong, Daniel. (2021). Economic abuse as a form of intimate partner violence: A literature review of the instruments and mental well-being outcomes. *Violence and Victims*, 36(4), 479-492. <https://doi.org/10.1891/VV-D-19-00082>